



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM



KENYATAAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

15 FEBRUARI 2023

PENJELASAN BERKENAAN VIDEO POTENSI BERLAKU GEMPA BUMI YANG TULAR DI MEDIA SOSIAL



Kejadian gempa bumi berlaku disebabkan pergerakan mengejut permukaan bumi di sepanjang garis sesar atau di atas persempadan plat tektonik. Walau bagaimanapun, gempa bumi juga disebabkan oleh aktiviti gunung berapi. Semakin besar magnitud gempa bumi tersebut, semakin besar kemusnahan yang dibawa.

Sehingga kini, tiada peralatan dan kaedah saintifik terbukti secara sahih dapat meramalkan kejadian gempa bumi, sama ada bermagnitud kecil atau besar. MET Malaysia melaksanakan pemantauan berterusan 24 jam aktiviti seismik dan kejadian gempa bumi di Malaysia dan di seluruh dunia. Sehingga 15 Februari 2023, tiada gempa bumi dikesan berlaku di Sabah dan Sarawak pada 13 dan 14 Februari 2023. Maklumat gempa bumi boleh dirujuk di semua media sosial MET Malaysia dan laman web rasmi pada pautan <http://mygempa.met.gov.my/>. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik dengan video tular tersebut dan sentiasa merujuk kepada sumber sahih.

Sumber:

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

15 Februari (Rabu), 12.00 tengah hari



www.met.gov.my

[malaysiamet](https://facebook.com/malaysiamet)



mygempa.met.gov.my

[@metmalaysia](https://instagram.com/metmalaysia)



rakanmet.met.gov.my

[@metmalaysia](https://twitter.com/metmalaysia)



1-300-22-1638

[MET malaysian](http://METmalaysia)



mycuaca